

# Pengambilan ubat secara tidak betul undang maut

**Kuala Lumpur:** Pengambilan pil gugur tanpa preskripsi doktor khususnya yang dijual dalam talian, boleh mengundang maut jika pengambilannya tidak mengikut sukatan betul.

Selain itu, pengambilan pil itu juga boleh menyebabkan kelahiran bayi cacat kerana peratus kegagalan pengguguran menerusi kaedah pengambilannya adalah tinggi, antara 10 hingga 25 peratus.

Pensyarah Kanan, Fakulti Farmasi, **Universiti Kebangsaan Malaysia**, Dr Adyani Md Redzuan, berkata biasanya yang menjalani proses pengguguran melalui pengambilan pil akan mengalami

pendarahan purata dalam tempoh 14 hari.

Katanya, individu terbabit perlu berjumpa doktor selepas itu bagi memastikan proses pengguguran berjaya.

Beliau berkata lebih lama usia kandungan, lebih lama tempoh pendarahan yang akan dialami.

## Pendarahan serius

"Ada individu yang mungkin mengalami pendarahan serius dan dalam tempoh lama, sebab itu mereka yang mengikuti proses pengguguran berdasarkan protokol perubatan yang sah wajib berjumpa dengan doktor sebelum prosedur dan dalam tempoh 12

hingga 20 hari selepas mengambil pil gugur.

"Jika pendarahan mereka normal sekalipun, wajib juga berjumpa pakar perubatan untuk melakukan ujian ultra bunyi bagi memastikan proses pengguguran itu benar-benar berjaya. Jika tidak, potensi melahirkan anak cacat itu tinggi," katanya ketika ditemui *BH*, di sini.

Antara kecacatan kekal yang akan dialami bayi adalah hydrocephalus (cecair serebrospina yang luar biasa banyaknya di dalam ventrikel otak dan seterusnya tengkorak), *limb reduction defects* (kecacatan pada jari) dan *microphthalmia* (saiz mata men-



Dr Adyani Md Redzuan

jadi kecil).

Mengenai pendedahan *BH* berhubung penjualan pil terbabit secara terbuka, beliau berkata risiko kematian dengan melakukan pengguguran sendiri tanpa pengawasan doktor adalah tinggi



**Ikuti BH Plus**

di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video

bagi kandungan yang berusia lebih 12 minggu.

"Risikonya sama (potensi anak cacat kekal) namun bahaya pendarahan berpanjangan meningkat kepada tiga hingga lima peratus.

"Lebih membimbangkan pengambilan pil pengguguran tanpa pengawasan pengamal perubatan mungkin membabitkan dos penggunaan yang tinggi yang boleh memudaratkan pengguna," katanya.

## Ada kesan sampingan

Dr Adyani berkata, dakwaan pil gugur tiada kesan sampingan adalah tidak benar.

"Pil pengguguran ini memang mempunyai kesan sampingan dan ada antaranya yang memerlukan intervensi lanjutan.

"Perbuatan membeli secara atas talian juga boleh mengundang bahaya kerana kita tidak pasti keaslian pil berkenaan," katanya.